



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 16 APRIL 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Pengarah syarikat didenda RM15,000 simpan LPG

KUALA PILAH: Seorang pengarah sebuah syarikat didenda RM15,000 atau pun penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Pilah semalam selepas mengaku bersalah menyimpan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi berjumlah 988 kilogram di sebuah premis tanpa lesen tahun lalu.

Hakim, Norma Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Muhammad Hakim Ariffin, 30, selepas dia dituduh mengikut Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh selaku pengarah syarikat didapati telah melakukan satu kesalahan dengan menyimpan barang kawalan yang juga merupakan barang berjadual iaitu LPG jenama Gasul berkapasiti 12 kilogram sebanyak 17 tong dan Petron Gasul berkapasiti 14 kilogram sebanyak 56 tong yang disimpan dalam premis selain yang dinyatakan dalam lesen.

Perbuatan itu dilakukan pukul 11.15 pagi di sebuah premis di Bukit Temensu, Jalan Tampin, di sini, pada 6 Julai 2023.

Tertuduh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

LPG yang disita dijual dan hasil jualan dijadikan Hasil Sementara Kerajaan melalui sebut harga sebanyak RM4,396.46.

Semakan dengan pihak Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) mengesahkan tempat kejadian yang disita mempunyai lesen perniagaan bagi pusat jualan makanan ternakan dan pembekal bahan pertanian yang dimiliki oleh syarikat tertuduh dan bukannya aktiviti menjual gas petroleum cecair.

Pendakwaan dikenyalidikan oleh Pegawai Pendakwa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Khairul Azman Rosli manakala tertuduh diwakili peguam, G Dineshan.



KHAIRUL AZMAN (kiri) ketika ditemui di pekarangan Mahkamah Kuala Pilah semalam.

Peniaga didenda RM15,000 simpan LPG 988kg

KUALA PILAH — Seorang peniaga yang juga pengarah syarikat didenda RM15,000 atau penjara enam bulan di Mahkamah Sesyen, di sini semalam kerana menyimpan Gas Petroleum Cecair (LPG) bersubsidi di premis tanpa lesen berjumlah 988 kilogram (kg), pada tahun lalu.

Hakim Norma Ismail menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh Muhammad Hakim Ariffin, 30, mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh selaku pengarah syarikat didapati telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan menyimpan barang kawalan yang juga merupakan barang berjadual iaitu Gas Petroleum Cecair jenama Gasul kapasiti 12 kg sebanyak 17 tong dan Petron Gasul kapasiti 14 kg 56 tong yang disimpan dalam premis selain yang dinyatakan dalam lesen.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira pukul 11.15 pagi di sebuah premis di Bukit Temensu,

Jalan Tampin, di sini, 6 Julai 2023.

Tertuduh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang mana jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, gas petroleum cecair yang disita telah dijual dan hasil jualan telah dijadikan Hasil Sementara Kerajaan melalui sebutharga sebanyak RM4,396.46.

Semakan dengan pihak Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) mengesahkan bahawa tempat kejadian yang disita mempunyai lesen perniagaan bagi pusat jualan makanan ternakan dan pembekal bahan pertanian yang dimiliki oleh syarikat tertuduh dan bukannya aktiviti menjual gas petroleum cecair.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Khairul Azman Rosli, manakala tertuduh diwakili peguam, G Dineshan.

LPG tanpa lesen: Pengarah kena RM15k

Kuala Pilah: Seorang pengarah syarikat didenda RM15,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah menyimpan 988 kilogram (kg) gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi di premis yang tidak dilesenkan.

Hakim Norma Ismail menjatuhkan hukuman itu ke atas Muhammad Hakim Ariffin, 30, dan menganrahkan tertuduh dikenakan enam bulan penjara sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Hakim selaku pengarah syarikat Premix Global Resources didapati menyimpan barang kawalan yang merupakan barang berjadual iaitu LPG jenama Gasul berkapasiti

12 kg sebanyak 17 tong dan Petron Gasul berkapasiti 14 kg berjumlah 56 tong, yang disimpan dalam premis selain yang dinyatakan dalam lesen.

Perbuatan itu dilakukan pada 11.15 pagi di sebuah premis di Bukit Temensu, Jalan Tampin di sini, pada 6 Julai 2023 dan kesalahan itu boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, LPG yang disita dijual dan hasil jualan dijadikan Hasil Sementara Kerajaan menerusi sebut harga bernilai RM4,396.46.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPKM tak akan lindungi pihak terbabit kartel padi

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menegaskan tidak akan melindungi jika ada mana-mana pihak yang didapati terbabit dengan aktiviti kartel padi dan beras di

negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan perkara itu dalam hantaran di laman Facebook beliau semalam, berikutnya pertanyaan oleh se-setengah pihak mengenai isu

berkenaan, baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, KPKM sentiasa bersedia menyulurkan sebarang maklumat kepada Suruhanjaya Perisanggaan Malaysia (MyCC) sekiranya benar wujud kartel pa-

di serta beras dan tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan oleh MyCC.

"Antara skop tugas MyCC ini adalah menyiasat kewujudan kartel dalam ekonomi negara kita.

"Soalan ini saya dah jawab beberapa kali sebelum ini, tapi mungkin mereka terlepas pandang. Moga penjelasan ini dapat memberikan pencerahan kepada semua," katanya.

BERNAMA

Mat Sabu tegaskan tidak akan lindungi pihak terlibat manipulasi harga

Tiada kartel kawal beras, padil isteri

Oleh NUR FATIN ZAHRA

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti kartel padi dan beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu menerangkan, pihaknya juga tidak akan mencampuri sebarang siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

"Semasa cuti raya minggu lepas, masih ada rakan-rakan yang bertanya tentang benarkah wujud kartel padi dan beras? Soalan ni saya dah jawab beberapa kali kepada media sebelum ini tapi mungkin mereka terlepas pandang."

"Negara kita ada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Antara skop tugas MyCC ini adalah menyiasat kewujudan kartel dalam ekonomi negara kita."

"KPKM tiada halangan dan sentiasa bersedia memberikan sebarang maklumat kepada MyCC pada bila-bila masa diperlukan. Moga penjelasan ini dapat



MOHAMAD

memberikan pencerahan pada semua," katanya dalam kenyataan di laman Facebook.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan, KPKM menafikan wujud kartel atau mafia menentukan harga padi, beras dan benih padi seperti yang didakwa sesetengah pihak.

Menurut KPBM, ini kerana



KERAJAAN memberi jaminan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti kartel padi dan beras. – GAMBAR HIASAN

jumlah pengeluaran sebanyak 39,000 pelbagai lesen antara-

Eksport dan Kelulusan Khas Menjual Benih Padi bagi benih padi sah jelas menunjukkan tiada

kartel atau mafia dimaksudkan wujud dan mampu memonopoli industri padi dan beras.

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tidak akan melindungi mana-mana pihak yang didapati terbabit dengan aktiviti kartel padi dan beras di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan perkara berkenaan dalam hantaran di laman Fa-

KPKM tak lindungi kartel padi, beras

cebook beliau, semalam berikutan pertanyaan oleh sesetengah pihak mengenai isu terbabit, baru-baru ini.

Menurutnya, pihaknya sentiasa bersedia menyatakan sebarang maklumat kepada Suruhanjaya Per-

saingan Malaysia (MyCC) sekiranya benar wujud kartel padi serta beras dan tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan oleh MyCC.

“Antara skop tugas MyCC ini adalah menyiasat kewujudan kartel dalam

ekonomi negara kita.

“Soalan ini saya dah jawab beberapa kali sebelum ini tapi mungkin mereka terlepas pandang. Semoga penjelasan ini dapat memberikan pencerahan kepada semua,” katanya.

- Bernama

KPKM tidak lindungi kartel beras

Kementerian berjaminan tidak campuri siasatan yang dilakukan MyCC

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menegaskan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan kartel padi dan beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohammad Sabu berkata, pihaknya juga tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan yang

dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

"KPKM tiada halangan dan sentiasa bersedia memberikan sebarang maklumat kepada MyCC pada bila-bila masa diperlukan," tulis beliau menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai persoalan kewujudan kartel padi dan beras oleh pihak media.

Ujar beliau, antara fungsi MyCC adalah menyiasat kewujudan kartel dalam ekonomi negara.

"Soalan ini saya sudah jawab beberapa kali pada media sebelum ini tapi mungkin mereka terlepas pandang."



MOHAMAD

"Semoga penjelasan ini dapat memberikan pencerahan pada semua," kata beliau.

Pada Januari lalu, KPKM menafikan kewujudan kartel atau mafia yang didakwa terbabit dalam penentuan harga beras dan benih padi.

Pihaknya telah mengeluarkan 39,000 lesen dalam usaha memastikan tiada kartel atau mafia memonopoli industri padi dan beras negara.

Lesen itu merangkumi lesen borong beras, lesen eksport, lesen import, lesen kilang padi, lesen membeli padi, lesen beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS).



Kartel didakwa terbabit dalam penentuan harga beras dan benih padi.

Sebelum ini pada Mac lalu, Pengurus Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mendakwa, terdapat kartel beras putih tempatan membabitkan empat hingga lima syarikat di negara.

Katanya, syarikat-syarikat

berkenaan diperdayai bertindak mengawal jual beli padi dan makanan ruji itu sehingga berlaku kekurangan bekalan di pasaran serta peningkatan harga.

Jelasnya, maklumat itu diperoleh hasil daripada libat urus yang dijalankan bersama petani, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna.

Cartel activities will not be tolerated: Minister

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry will not protect any party found to be involved in rice and padi cartel activities in the country, said its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He clarified the matter in a post on his Facebook page following inquiries from some quarters regarding the issue.

He said the ministry is prepared to provide any information to the Malaysia Competition Commission (MyCC) if there is indeed a rice cartel and will not interfere in any investigations conducted by MyCC.

He added that among the duties of MyCC is to investigate the existence of trade cartels in the country. – Bernama

'No shielding padi cartels'

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) will not protect any party found to be involved in rice and padi cartel activities in the country, says its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He clarified the matter in a post on his Facebook page yesterday, following inquiries regarding the issue.

In this regard, Mohamad Sabu stressed that KPKM is prepared to provide any information to the Malaysia Competition Commission if there is indeed a rice cartel and assured that the ministry will not interfere in any of its investigations, Bernama reported.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 APRIL 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Apr	188,000 liter bekalan petrol di Kelantan sepanjang musim perayaan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080201/188000-liter-bekalan-petrol-di-kelantan-sepanjang-musim-perayaan	HARIAN METRO
16-Apr	Pengarah syarikat didenda RM15,000 simpan LPG di premis tidak dilesenkan	https://www.sinarharian.com.my/article/659611/berita/semasa/pengarah-syarikat-didenda-rm15000-simpan-lpg-di-premis-tidak-dilesenkan	SINAR HARIAN
16-Apr	Pengarah syarikat didenda RM15,000 mengaku salah simpan 988 kg LPG	https://malaysiagazette.com/2024/04/15/pengarah-syarikat-didenda-rm15000-mengaku-salah-simpan-988-kg-lpg/	MALAYSIA GAZETTE
16-Apr	PENGARAH SYARIKAT DIDENDA RM15,000 SIMPAN LPG BERSUBSIDI DI PREMIS TIDAK DILESENKEN	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2288135	BERNAMA
16-Apr	Kartel padi, beras: KPKM tidak campur siasatan MyCC	https://www.sinarharian.com.my/article/659594/berita/nasional/kpkm-ikrar-tidak-lindungi-kartel-padi-beras#google_vignette	SINAR HARIAN
16-Apr	Minister: Agriculture and Food Security Ministry won't protect quarters involved in rice, padi cartel	https://www.theborneopost.com/2024/04/15/minister-agriculture-and-food-security-ministry-wont-protect-quarters-involved-in-rice-padi-cartel/	THE BORNEO POST
16-Apr	KPKM TIDAK LINDUNGI PIHAK TERLIBAT KARTEL PADI, BERAS - MOHAMAD	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2288141	BERNAMA
16-Apr	KPKM will not protect quarters involved in rice, padi cartel - Mohamad Sabu	https://thesun.my/local_news/kpkm-will-not-protect-quarters-involved-in-rice-padi-cartel-mohamad-sabu-DC12329749#google_vignette	THE SUN
16-Apr	Kartel beras: KPKM sentiasa bersedia beri maklumat kepada MyCC	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kartel-beras-kpkm-sentiasa-bersedia-beri-maklumat-kepada-mycc	BERITA RTM

16-Apr	Kartel padi, beras: KPKM tidak campur siasatan MyCC - Mat Sabu	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kartel-padi-beras-kpkm-tidak-campur-siasatan-mycc-mat-sabu-466420	ASTRO AWANI
16-Apr	MB: Program jualan murah manfaat lebih dua juta penduduk Selangor	https://selangorkini.my/2024/04/mb-program-jualan-murah-manfaat-lebih-dua-juta-penduduk-selangor/	SELANGOR KINI
16-Apr	Pengarah syarikat didenda RM15,000 simpan LPG bersubsidi di premis tidak dilesenkan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengarah-syarikat-didenda-rm15000-simpan-lpg-bersubsidi-di-premis-tidak-dilesenkan-466441	ASTRO AWANI
16-Apr	MyCC bebas siasat kartel padi, beras – Mohamad	https://malaysiagazette.com/2024/04/15/mycc-bebas-siasat-kartel-padi-beras-mohamad/	MALAYSIA GAZETTE
16-Apr	KPKM jamin tidak akan lindungi kartel padi beras	https://www.kosmo.com.my/2024/04/15/kpkm-jamin-tidak-akan-lindung-kartel-padi-beras/	KOSMO
16-Apr	KPKM tidak akan lindungi pihak terbabit kartel padi, beras	https://www.malaysiakini.com/news/702495	MALAYSIA KINI
16-Apr	Mohamad: KPKM tidak lindungi pihak terlibat kartel padi, beras	https://thesun.my/cerita/mohamad-kpkm-tidak-lindungi-pihak-terlibat-kartel-padi-beras-NC12329884	THE SUN
16-Apr	Pihak terlibat kartel padi, beras tidak dilindungi – Mohamad Sabu	https://www.wilayahku.com.my/pihak-terlibat-kartel-padi-beras-tidak-dilindungi-mohamad-sabu/	WILAYAHKU
16-Apr	Menteri: KPKM tidak lindungi pihak terlibat kegiatan kartel padi, beras	https://selangorkini.my/2024/04/menteri-kpkm-tidak-lindungi-pihak-terlibat-kegiatan-kartel-padi-beras/	SELANGOR KINI
16-Apr	KPKM tidak lindungi pihak terbabit dengan kartel padi, beras	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/04/1080258/kpkm-tidak-lindungi-pihak-terbabit-dengan-kartel-padi-beras	HARIAN METRO
16-Apr	KPKM tidak lindungi kartel padi, beras	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/kpkm-tidak-lindungi-kartel-padi-beras/	UTUSAN MALAYSIA